

**Pelukis karikatur wajah badut Najib disiasat polis
Malaysian Insider
Feb 23, 2016**

Aktivis politik Fahmi Reza kini disiasat polis berhubung karikatur wajah badut Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang dikongsi beliau menerusi akaun Twitter dan Instagram miliknya Januari lalu.

Mengumumkan perkara itu menerusi akaun Facebook, Fahmi yang kini berada di luar negara berkata beliau disiasat mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Seksyen 504 Kanun Keseksaan.

Seksyen 233 adalah berkaitan "penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian dan Seksyen 594 pula berkaitan tindakan "sengaja mengaibkan dengan niat hendak memecahkan keamanan".

Kata Fahmi, beliau akan hadir ke Ibu Pejabat Polis Dang Wangi pada 4 petang 28 Februari ini bagi memberi keterangan.

"Sekarang aku sudah dipanggil polis untuk beri keterangan kepada mereka bagi membantu siasatan berhubung lukisan poster badut itu.

"Aku bersedia untuk terus melawan mempertahankan hak dan kebebasan kita untuk terus mengkritik penguasa yang korup, dan aku tidak takut untuk menghadapi sebarang kemungkinan kerana aku tahu 'korang' semua takkan biarkan aku berjuang bersendirian," tulis Fahmi.

Fahmi berkata tidak pasti jika akan ditahan polis selepas memberi keterangan Ahad ini.

Namun katanya, siasatan itu memungkinan beliau didakwa dan jika sabit kesalahan, berhadapan penjara 3 tahun dan denda RM50,000 atau salah satu daripadanya.

Fahmi pertama kali memuat naik karikatur itu di akaun Twiter beliau pada 31 Januari lalu dan mengundang maklum balas daripada akaun Twitter Pusat Tindak Balas Siasatan Siber Polis (@OfficialPcirc) yang memberi amaran berhubung tindakannya itu.

Tindakan polis itu mendorong aksi setiakawan daripada kumpulan menggelar diri mereka "Grafik Rebel untuk Protes & Aktivisme" yang melukis poster hampir sama mengkarikaturkan wajah Najib sebagai badut dan memuatnaikinya di Facebook. – 23 Februari, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pelukis-karikatur-najib-berwajah-badut-disiasat-polis>